

**Najib Serah Kertas Pencalonan Bertanding Kerusi Parlimen Pekan
Bernama
20 April, 2013**

PEKAN, 20 April (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak mengemukakan kertas pencalonan untuk bertanding kerusi Parlimen Pekan dengan diiringi ribuan penyokong Barisan Nasional (BN) pada pukul 9.08 pagi ini.

Najib, yang juga Pengerusi BN, mengemukakan borang pencalonannya di Dewan Konvensyen Sultan Haji Ahmad Shah di sini bagi mempertahankan kerusi Parlimen berkenaan yang disandanginya sejak 1976.

Najib yang berarak bersama-sama penyokong BN dari bangunan Umno Pekan, tiba di pusat penamaan calon itu pada 9.06 pagi disertai calon BN lain yang bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) yang terletak dalam kawasan Parlimen Pekan.

Berbaju Melayu biru, Najib memasuki dewan bersama calon BN lain dan menyerahkan borang pencalonannya kepada Pegawai Pengurus Pilihan Raya Datuk Mohd Fadzli Mohd Kenali.

Perdana Menteri adalah calon pertama BN yang mengemukakan kertas pencalonan tersebut diikuti calon BN lain dalam kawasan Parlimen berkenaan.

Calon BN bagi kerusi-kerusi DUN tersebut ialah Khairudin Mahmud bagi DUN Pulau Manis, Datuk Sh Mohmed Puzi Sh Ali (Peramu Jaya), Mohd Fakhrudin Mohd Aris (Bebar) dan Datuk Abu Bakar Harun (Chini).

Pada pilihan raya umum 2008, Najib menewaskan calon Parti Keadilan Rakyat (PKR) Khairul Anuar Ahmad Zainudin dengan majoriti 26,464 undi. Najib memperoleh 36,262 undi manakala Khairul Anuar meraih 9,798 undi.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=943640>